

KHAMIS

10

05

2018

BH

VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

34

KEMBARA

Misi dakwah di Kala
Patthar Kem Induk Everest

57

USAHAWAN MUDA

Jangan takut gagal, jika
ingin berjaya

60

INOVASI

Round Rocking Bobbin
jimat ruang dan masa

BERSEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT SEDUNIA

JURURAWAT BUKAN KERJAYA 'KELAS KEDUA'

➔ Bidang kejururawatan harus dihargai dan dipandang
mulia dengan mendapat pembelaan sewajarnya

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerjaya jururawat umpama 'pintu hadapan' kepada kesihatan rakyat kerana mereka antara penyumbang besar dalam bidang perubatan, malah memainkan peranan penting bagi merawat dan memantau keadaan pesakit di hospital, klinik serta kediaman.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor, berkata tanggungjawab dipikul jururawat sehingga mereka sanggup berkorban masa dan tenaga, bukan sahaja harus dihargai serta dipandang mulia, tetapi juga perlu diberi pembelaan sewajarnya.

Di negara ini, jururawat sering disifatkan kerjaya 'kelas kedua' kerana dianggap sebagai 'pelayan' atau 'pembantu' pesakit sebelum mereka mendapatkan rawatan daripada pegawai perubatan.

"Persepsi ini menyebabkan perjuangan dan pengorbanan jururawat, termasuk terpaksa bekerja lebih masa, bertugas mengikut shif, berisiko dijangkiti penyakit atau

berjauhan daripada keluarga, kurang dihargai sehingga kelesaan mereka, terutama di hospital kerajaan tidak dipandang serius.

"Fasiliti dan kemudahan jururawat, seperti perlindungan khas keselamatan serta kesihatan seharusnya diberikan tanpa kompromi.

"Kegagalan mendapat 'pembelaan' sewajarnya menyebabkan ramai jururawat terlatih di hospital atau klinik kerajaan bertukar kerja ke pusat perubatan swasta atau luar negara," katanya ketika dihubungi *BH Varsiti*, baru-baru ini.

V30 / 31



Kerjaya jururawat perlu dihargai kerana menuntut pengorbanan besar.

BERSEMPENA SAMBUTAN HARI JURURAWAT SEDUNIA

Bidang kejururawatan menuntut kesabaran tinggi

Kuala Lumpur: Herdikan, ejekan dan aduan yang dibuat kepada pihak atasan oleh segelintir pesakit, menjadi antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh seorang jururawat.

Walaupun faktor berkenaan adakalanya mencabar kesabaran dan membuatkan jururawat mengalirkan air mata kerana peranan mereka seperti diperkecilkan, keadaan itu sama sekali tidak melemahkan semangat untuk menceburi kerjaya ini.

Bagi Hernani Fadzilah, 31, yang sudah bergelar jururawat lebih lapan tahun, kemarahan ditunjukkan pesakit dan keluarga mereka itu sudah menjadi 'asam garam' pekerjaannya sehingga beliau tidak berkecil hati, malah bijak mengendalikan situasi terbabit dengan cara tersendiri.

Beliau yang bertugas di sebuah Klinik Kesihatan di Johor, berkata pada tahun awal bekerja sebagai jururawat, beliau sangat tersentuh setiap kali dimarahi dan diperlekehkan segelintir pesakit yang mendapatkan rawatan.

"Bagaimanapun, dari sehari ke sehari dengan pengalaman dan sokongan rakan sejawat, saya sudah lali. Saya faham perasaan pesakit yang tidak sihat dan bagi menangani kerenah mereka, saya hanya bersabar serta melemparkan senyuman," katanya ketika dihubungi.

Ditanya pembabitan awal sebagai jururawat, Hernani berkata, minat terhadap kerjaya itu tidak wujud langsung ketika beliau membuat permohonan melanjutkan pengajian, malah bidang terbabit adalah pilihan kelimanya

bagi memenuhi ruangan tertera.

Namun, selepas beberapa semester belajar dan menjalani latihan klinikal, beliau mula jatuh hati kerana menyifatkan bidang kejururawatan cukup penting dalam membela kesihatan masyarakat, selain gembira apabila melihat pesakit kembali sihat atau penyakit mereka berada dalam keadaan terkawal.

Berkorban masa, tenaga

Hernani berkata, sebagai jururawat beliau cuma berharap masyarakat lebih menghargai penggiat kerjaya itu yang bukan sahaja bertungkus-lumus memastikan proses rawatan pesakit dijalankan sebaik mungkin, tetapi sanggup berkorban tenaga dan masa bersama keluarga demi orang ramai.

"Sebagai jururawat di Klinik Kesihatan, kami bertanggungjawab mengendalikan pesakit daripada ujian saringan awal, membuat rawatan terhadap pesakit, melawat pesakit di rumah dan bekerja lebih masa biarpun waktu bertugas kami bermula jam 7.30 pagi hingga 5 petang.

"Biasanya orang anggap jururawat tidak penting tetapi bagi mereka yang pernah terlantar sakit, akan sedar betapa penting kerjaya ini kepada masyarakat. Adakala kami terpaksa mengetepikan keluarga yang sakit di rumah demi menjalankan tugas," katanya.

Individu istimewa

Sementara itu, Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pugelalaggen Suppramaniam, 22,



Hernani



Pugelalaggen

berkata jururawat adalah individu 'istimewa' kerana memiliki tahap kesabaran tinggi, sentiasa mengutamakan kesihatan orang lain dan bersedia menjaga pesakit sepanjang hari.

Ketabahan, pengorbanan dan perjuangan jururawat, katanya, membuatkan beliau nekad mengikuti pengajian dalam bidang itu sebagai pilihan pertama di USM demi berkhidmat kepada masyarakat, biarpun kerjaya terbabit sering dianggap lebih sesuai diceburi wanita.

Bakal menamatkan pengajian pada tahun hadapan, Pugelalaggen berkata, pengalaman diperolehnya sepanjang mengikuti latihan klinikal di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) dan Hospital Tzu-Chi, Taiwan mampu membantu dan membimbingnya untuk lebih kental, berpengetahuan serta bijak mengendalikan tugas.

"Selepas mengikuti latihan klinikal, saya sedar bidang ini tidak menjanjikan jalan mudah, sebaliknya banyak cabaran dan bebanan pasti saya tempuh.

"Pernah suatu ketika layanan saya tidak dihargai pesakit. Selain itu, ada juga pesakit yang tidak mahu bercerita dengan tepat mengenai penyakit yang mereka hidapi kerana malu, hingga menyukarkan tugas merawat.

"Bagi mendekati pesakit dan membina kepercayaan mereka, saya perlu banyak bersabar, sentiasa senyum, menggunakan pendekatan mesra, menunjukkan keyakinan diri dan elemen memahami," katanya yang jururawat juga perlu bertindak sebagai kaunselor dan guru.

[FOTO HIASAN]



Datuk Shamsuddin

Lebih ramai tenaga lelaki diperlukan

← Dari V29

Sementara itu, Setiausaha Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan, berkata permintaan terhadap jururawat di negara ini masih tinggi, terutama di sektor perubatan swasta memandangkan semakin banyak pusat kesihatan dan rawatan diwujudkan.

Katanya, daripada segi prestasi ditunjukkan jururawat tempatan sememangnya berada pada tahap antarabangsa, namun gambaran yang mengaitkan bahawa kerjaya itu lebih sesuai diceburi wanita perlu diubah bagi menarik lebih ramai lelaki menceburi bidang ini.

Shamsuddin berkata, tanggapan berbeza itu juga menyebabkan ramai lelaki tidak berminat untuk mengambil bidang pengajian kejururawatan selepas tamat persekolahan, biarpun memiliki kelulusan bersesuaian untuk mengikutinya.

"Kerjaya jururawat turut memerlukan lelaki, terutama apabila kita membicarakan soal hukum agama dengan pesakit lelaki. Jururawat lelaki juga diperlukan bagi rawatan atau keperluan yang memerlukan penggunaan lebih tenaga, seperti mengangkat pesakit.

"Masyarakat perlu sedar, kerjaya sebagai jururawat sangat murni, sememangnya penting dan patut dibanggakan kerana selain menjadi punca pendapatan individu, bidang ini boleh membantu meningkatkan sektor kesihatan negara," katanya.



Jururawat berperanan melakukan ujian saringan pemeriksaan sebelum pesakit diperiksa pegawai perubatan.